



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 W.P. LABUAN**

**NO. SEBUT HARGA : PL/(S)163/2019(JPK)**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019**

### **KENYATAAN SEBUTHARGA**

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

| <b>Tajuk Perolehan</b>   | <b>Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas</b>  | <b>Lokasi &amp; Tarikh Penjualan / Harga Dokumen</b>  | <b>Lawatan Tapak (Wajib)</b>  | <b>Tarikh, Waktu Tutup Tawaran &amp; Tempat Penghantaran</b>  |
|--|---|---|---|---|
| <b>KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SURAU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG SUNGAI BUTON, W.P. LABUAN</b> | Berdaftar dengan<br><b>SPKK / CIDB</b><br>Gred: <b>G1</b><br>Kategori: <b>CE</b><br>Pengkhususan<br><b>CE21</b> | Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan<br><br><b>25.11.2019 sehingga 2.12.2019</b><br>(semasa waktu pejabat)<br><br><b>RM 15.00</b> (tidak dikembalikan) | <b>19.11.2019</b><br>(9.30 pagi)<br><br>Melapor diri di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 7, Menara Perbadanan Labuan | <b>3.12.2019</b><br>(12.00 tengah hari)<br><br>Peti Sebut Harga No. 1<br><br>Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan |

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **SPKK dan Perakuan Pendaftaran CIDB** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya**

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga (sekiranya diwajibkan). Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my).